



“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj.Kami : KP(IPG)8787/100/1/1 Jld.4 (9)
Tarikh : 20 Julai 2016

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMANTAPAN PENGGUNAAN EMEL 1GOVUC IAITU DOMAIN @ipgm.edu.my
SEBAGAI EMEL RASMI PEGAWAI DAN KAKITANGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA (IPGM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat siaran Bahagian Pengurusan Maklumat Bilangan 1 Tahun 2013 : Pemantapan Penggunaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-Agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertarikh 8 Mei 2013 (rujuk lampiran).

3. Surat makluman berkenaan perkara yang sama juga telah diedarkan kepada semua Pengarah di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) oleh mantan Rektor, Dato' Sulaiman Bin Wak bertarikh 16 Februari 2016, No. Rujukan : KP(IPG)8787/100/1/1 Jld.3 (89).

4. Untuk makluman YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, masih terdapat pegawai dan kakitangan IPGM yang menggunakan domain emel bukan rasmi seperti *gmail*, *hotmail* dan *yahoo* untuk urusan rasmi kerja harian. Perkara ini adalah bercanggah dengan surat arahan Ketua Pengarah MAMPU – Pemantapan Penggunaan dan Pengurusan E-Mel bertarikh 1 Julai 2010. Pihak MAMPU bertanggungjawab untuk membayar bil utiliti emel bagi domain @ipgm.edu.my setelah pengesahan penggunaan dibuat oleh Pentadir Emel / Pegawai Teknologi Maklumat bagi setiap bulan. Sehingga kini, bil utiliti bagi IPGM adalah sekitar RM 94,000.00.

5. Pentadbir Emel / Pegawai Teknologi Maklumat perlu memastikan :

- i. Permohonan akaun emel dibuat secara rasmi menggunakan Borang Permohonan Email Kementerian yang boleh dimuat turun melalui http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/downloadform/dform_file_000014.pdf;
- ii. Menggunakan salah satu domain sahaja, sama ada @ipgm.edu.my atau @moe.gov.my kerana kedua-dua domain dibayar;

iii. Saiz storan peti mel diperuntukan seperti berikut :

Saiz storan	Gred jawatan
500 MB	40 dan ke bawah
1GB	41 - 44
2GB	48 -53
4GB	54 dan ke atas

iv. Peruntukan kemudahan pakej kepada pengguna adalah seperti berikut :

Pakej	Harga	Gred Jawatan
A	RM 11.50	= > 11
B	RM 14.00	= > 41
C	RM 16.00	= > 54

v. Akaun yang diwujudkan boleh dipinda, ditambah, ditarik balik atau dibatalkan sekiranya berlaku salah satu perkara berikut :

- Pemilik akaun bertukar keluar dari IPGM;
- Pemilik akaun bersara/pencen;
- Pemilik akaun berhenti/diberhentikan dari perkhidmatan;
- Akaun emel 1GovUC tidak aktif melebihi 90 hari;
- Pemilik akaun cuti belajar atau cuti bersalin (*deactivate/disable*)

6. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan diminta mengambil tindakan sewajarnya supaya pemantapan penggunaan emel rasmi IPGM yang menggunakan domain @ipgm.edu.my **SAHAJA** digunakan bagi tujuan rasmi kerja harian di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

7. Sebarang pertanyaan behubung perkara di atas, sila hubungi **Puan Mehkala Balasubramaniam** di talian **03-83126612**. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(**Dr. AZIAN T.S. ABDULLAH**)
Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
IPG Kampus Perlis
2. Pengarah
IPG Kampus Darulaman, Kedah
3. Pengarah
IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah
4. Pengarah
IPG Kampus Pulau Pinang
5. Pengarah
IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang
6. Pengarah
IPG Kampus Ipoh, Perak
7. Pengarah
IPG Kampus Pendidikan Islam, Selangor
8. Pengarah
IPG Kampus Bahasa Melayu, WP Kuala Lumpur
9. Pengarah
IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, WP Kuala Lumpur
10. Pengarah
IPG Kampus Ilmu Khas, WP Kuala Lumpur
11. Pengarah
IPG Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan
12. Pengarah
IPG Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan
13. Pengarah
IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka
14. Pengarah
IPG Kampus Tun Hussein Onn, Johor
15. Pengarah
IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor
16. Pengarah
IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang

17. Pengarah
IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu
18. Pengarah
IPG Kampus Sultan Mizan, Terengganu
19. Pengarah
IPG Kampus Kota Bharu, Kelantan
20. Pengarah
IPG Kampus Batu Lintang, Sarawak
21. Pengarah
IPG Kampus Tuanku Abdul Razak, Sarawak
22. Pengarah
IPG Kampus Rajang, Sarawak
23. Pengarah
IPG Kampus Sarawak
24. Pengarah
IPG Kampus Gaya, Sabah
25. Pengarah
IPG Kampus Keningau, Sabah
26. Pengarah
IPG Kampus Tawau, Sabah
27. Pengarah
IPG Kampus Kent, Sabah